

DO82

U B879 AAB  
PM - SUFFIAN (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN)

ALOR SETAR, 2 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MENYIFATKAN BEKAS KETUA HAKIM NEGARA TUN MOHAMED SUFFIAN HASHIM SEBAGAI BERFIKIRAN BURUK APABILA MENGELUARKAN KENYATAAN YANG MENYIFATKAN AHLI-AHLI POLITIK NASIONALIS MALAYSIA SEBAGAI BERFIKIRAN PRIMITIF.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, +KENYATAAN (TUN MOHAMED SUFFIAN) ITU MENUNJUKKAN BELIAU BERFIKIRAN BURUK (TERHADAP AHLI-AHLI POLITIK), + KATANYA KEPADA PEMBERITA SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG SULTAN ABDUL HALIM, DI SINI PETANG INI.

KENYATAAN TUN MOHAMED SUFFIAN ITU YANG DISIARKAN OLEH MAJALAH +SINGAPORE LAW REVIEW+ MENERIMA KRITIKAN DARIPADA PELBAGAI PIHAK DI MALAYSIA.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, KENYATAAN ITU MEMBAYANGKAN SEOLAH-OLAH AHLI POLITIK MALAYSIA SEBAGAI TIDAK BERMORAL, DAN SAMBIL MENYINDIR BEKAS KETUA HAKIM NEGARA ITU, BELIAU MENCADANGKAN AGAR MEREKA YANG MENGANGGAP DIRI MEREKA SEBAGAI BERMORAL SUPAYA BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA.

+KALAU MEREKA JADI PEMIMPIN BARANGKALI MEREKA TAK PERLU PAKAI KERETA BESAR, MACAM MERCEDES BENZ... TIDAK PAYAH BERBUAT SESUATU UNTUK (FAEDAH) DIRI MEREKA,+ KATANYA SINIS. -- LAGI  
2047MST 02 04 90

DO66

U B873 AAB  
PM - SUFFIAN 2 ALOR SETAR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYIFATKAN TUN MOHAMED SUFFIAN SEBAGAI +HANYA PANDAI BERCAKAP SAHAJA+ SEDANGKAN SEMASA BELIAU MASIH BERKHIDMAT (DALAM KERAJAAN) BELIAU JUGA MAHUKAN +PANGKAT DAN GAJI YANG TINGGI+.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU MENJAWAT JAWATAN ITU KERANA DIPILIH OLEH RAKYAT DAN SEKIRANYA TUN MOHAMED SUFFIAN HENDAK MENJADI PERDANA MENTERI BELIAU PERLU MENYERAHKAN KEPADA RAKYAT UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMED ALI TIBA DI SINI UNTUK MENGHADIRI MAJLIS BERBUKA PUASA DI MASJID KAMPUNG PUTAT, KUBANG PASU.

MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF IALAH ANTARA KENAMAAN YANG BERADA DI LAPANGAN TERBANG UNTUK MENYAMBUK BELIAU.

DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH SEMASA BERADA DI NEGERI INI TURUT MELAWAT PEKAN RABU, DI SINI. -- BERNAMA  
2016MST 02 04 90